

**SEJARAH ADAT RESAM MASYARAKAT IBAN DI
SRI AMAN (1993-2016)**



AGNESIA EJAH ANAK CHUNDIE


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH ADAT RESAM MASYARAKAT IBAN DI
SRI AMAN (1993-2016)**

AGNESIA EJAH ANAK CHUNDIE

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2022**

PENGESAHAN

JUDUL : **SEJARAH ADAT RESAM MASYARAKAT IBAN DI SRI AMAN**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **AGNESIA EJAH ANAK CHUNDIE** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

TERHAD

/

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,



AGNESIA EJAH ANAK CHUNDIE
BA19110266



(PROFESOR MADYA DR. BILCHER BALA)
PENYELIA

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Adat Resam Masyarakat Iban di Sri Aman (1993-2016) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



12 OGOS 2022

AGNESIA EJAH ANAK
CHUNDIE
BA19110266



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Prof Madya Dr Bilcher Bala di atas segala nasihat, dorongan, tunjuk ajar dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Saya amat menghargai bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan oleh penyelia dan para pensyarah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah yang banyak membantu dalam menyempurnakan tesis ini. Saya sangat menghargai pengorbanan Prof Madya Dr Bilcher Bala yang sedia membantu, sanggup meluangkan masa untuk berkongsi maklumat serta kepakaran dan cepat bertindak sepanjang menjadi penyelia tesis pada sesi ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Encik Janang Anak Gol, Encik Chundie Anak Nyelang, Encik Unchit Anak Tungkat, Encik Harry Anak Imau, Encik Ganti Anak Buntek, Puan Ama Anak Gol, Puan Nan Anak Jerangku, Puan Kintan Anak Kumbang, Cik Marcella Melanie Anak Latok dan juga individu lain kerana sudi berkongsi ilmu dan pandangan berkenaan dengan penyelidikan ini. Segala perkongsian ilmu dan maklumat amatlah saya hargai. Saya amat menghargai jasa mereka yang sedaya upaya membantu saya untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada kedua-dua insan yang sangat berharga dalam hidup saya terutamanya Encik Chundie Anak Nyelang dan Puan Nan Anak Jerangku kerana telah memberi sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kerana sentiasa memberikan saya sokongan dari segi kewangan dan kata-kata semangat dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang bertungkus-lumus dalam menyempurnakan penyelidikan masing-masing. Bantuan yang diberikan oleh kalian mengenai penyelidikan ini amatlah saya hargai. Pengorbanan kalian yang sanggup meluangkan masa untuk berkongsi pendapat dan ilmu tidak akan saya lupakan. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

ABSTRAK


Penyelidikan ini adalah berkenaan dengan adat resam yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban di Sri Aman, Sarawak. Kehidupan masyarakat Iban adalah berpandukan adat resam dan pantang larang yang diwarisi sejak zaman nenek moyang. Adat resam masyarakat Iban merupakan adat yang merangkumi adat kelahiran, adat perkahwinan dan adat kematian. Terdapat upacara-upacara tertentu yang perlu dilaksanakan mengikut adat-adat tersebut. Pelaksanaan upacara melibatkan persediaan yang rapi dan juga orang yang berpengalaman agar tidak memberi kesan buruk terhadap individu atau masyarakat di rumah panjang. Namun demikian, terdapat perubahan yang berlaku terhadap adat resam masyarakat Iban di Sri Aman berikutan dipengaruhi oleh perubahan ekonomi dan sosial. Justeru itu, masyarakat Iban mempunyai pandangan tersendiri mengenai perubahan dalam pelaksanaan adat resam. Walaupun berlaku sedikit perubahan dalam adat resam namun sesetengah masyarakat Iban masih berpandukan kepada adat kelahiran, adat perkahwinan dan adat kematian dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: Adat resam, masyarakat Iban dan perubahan

ABSTRACT

This research is related to customs implemented by the Iban community in Sri Aman, Sarawak. The life of the Iban community is guided by customs and taboos inherited from the ancestors. The customs of the Iban community are customs that include birth customs, marriage customs and death customs. There are certain ceremonies that need to be performed according to the customs. The implementation of the ceremony involves meticulous preparations and also experienced people so as not to have a negative impact on individuals or the community in the long house. However, there are changes that occur to the customs of the Iban community in Sri Aman due to being influenced by economic and social changes. Therefore, the Iban community has its own view on changes in the implementation of customs. Although there have been slight changes in customs, some Iban people are still guided by birth customs, marriage customs and death customs in their daily lives.

Keywords: Customs, Iban society and change



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

	Muka Surat
TAJUK	i
PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	x
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI PETA	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Literatur	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Metodologi Kajian	9
1.8 Pembahagian Kajian	9
1.9 Kesimpulan	10
BAB 2: ASAL USUL MASYARAKAT IBAN DI SRI AMAN	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Asal Usul Masyarakat Iban	12
2.2.1 Penghijrahan Masyarakat Iban	14
2.2.2 Salasilah Keturunan Masyarakat Iban	17

2.3 Masyarakat Iban di Sri Aman	17
2.3.1 Rumah Kediaman	18
2.3.2 Aktiviti	21
2.3.3 Agama dan Kepercayaan	26
2.4 Warisan	27
2.4.1 <i>Pua Kumbu</i>	29
2.4.2 <i>Duku</i> (Parang)	30
2.5 Sejarah Sri Aman	31
BAB 3: ADAT RESAM MASYARAKAT IBAN DI SRI AMAN	32
3.1 Pengenalan	32
3.2 Adat Kelahiran	32
3.2.1 Ibu <i>Betubuh Bisi</i> (Mengandung & Pantang Larang)	33
3.2.2 Bidan	33
3.2.2 <i>Bekindu</i> (Betangas)	33
3.2.4 Ritual Peringkat Awal Bayi	33
3.2.4.a Ritual Merasai Garam	34
3.2.4.b Ritual <i>Nengkadah Hari</i> (Memperkenalkan Hari)	34
3.2.4.c Ritual Pemberian Nama Bayi	36
3.3 Adat Perkahwinan	36
3.3.1 Adat <i>Melah Pinang</i>	39
3.3.1.a <i>Nanya Bini</i>	39
3.3.1.b <i>Ngambi Indu</i>	40
3.3.1.c <i>Nyundang Pinang</i>	42
3.4 Adat Kematian	43
3.4.1 Pembawaan <i>Baiya</i> ke Tanah Perkuburan	44
3.4.2 Upacara Berkabung, <i>Ngetas Ulit</i> dan <i>Beserara Bungai</i>	44
3.4.3 Jenis <i>Leka Sabak</i> Semasa Berlaku Kematian	44
3.4.3.a <i>Sabak Bebuah</i>	46

3.4.3.b	<i>Sabak Kenang</i>	46
3.4.4	Artifak <i>Tukang Sabak</i>	46
3.4.4.a	<i>Kebuk dan Pinggai</i>	47
3.4.4.b	<i>Pua Kumbu</i>	48
3.4.4.c	<i>Duku Ilang</i>	48
3.5	Kesimpulan	48
 BAB 4: PERUBAHAN ADAT RESAM MASYARAKAT IBAN DI SRI AMAN		49
4.1	Pengenalan	49
4.2	Perubahan yang Mempengaruhi Adat Resam Masyarakat Iban di Sri Aman	49
4.2.1	Perubahan Agama	50
4.2.2	Perubahan Sosial	50
4.2.2.a	Pertentangan Pendapat dalam Kalangan Masyarakat Iban	52
4.2.2.b	Pengaruh Budaya Masyarakat Lain	54
4.2.2.c	Perubahan dalam Aspek Pendidikan	56
4.2.2.d	Perkembangan Teknologi	57
4.2.2.e	Tanggapan Pakar Ritual Terhadap Pelaksanaan Adat Resam	57
4.2.2.f	Sikap Masyarakat Iban Sendiri yang Tidak Mengambil Pedul Terhadap Budaya Sendiri	58
4.2.2.g	Kekurangan Pakar Ritual	58
4.2.2.h	Pelaksanaan Adat Resam Terlalu Sukar	59
4.2.3	Perubahan dalam Ekonomi	59
4.3	Perubahan dalam Adat Resam Masyarakat Iban di Sri Aman	59
4.3.1	Perubahan dalam Adat Kelahiran	62
4.3.2	Perubahan dalam Adat Perkahwinan	66

4.3.3 Perubahan dalam Adat Kematian	67
4.4 Kesimpulan	68
BAB 5: RUMUSAN	69
5.1 Kesimpulan	76
RUJUKAN	78
LAMPIRAN	82
GLOSARI	83




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

Gambar 2.1: Pua Kumbu	26
Gambar 2.2: <i>Duku Ilang</i> (Parang)	27
Gambar 3.1: <i>Kebuk</i>	43
Gambar 3.2: <i>Pinggai</i>	43
Gambar 4.1: Menyambut kedatangan rombongan pengantin lelaki dengan menggunakan pakaian tradisional Iban	60
Gambar 4.2: Penyambut tetamu menyediakan air sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan rombongan pengantin lelaki	60
Gambar 4.3: Kedatangan tetamu di rumah panjang diiringi dengan persembahan tarian ngajat di sepanjang <i>ruai</i> rumah panjang	61



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

Lampiran A: Senarai Informan	81
Lampiran B: Laporan Turnitin	82



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

Muka surat

Peta 2.1 Bahagian Sri Aman

31



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini adalah untuk mengkaji adat resam masyarakat Iban di Sri Aman. Dalam kajian mengenai adat resam budaya masyarakat Iban di Sri Aman, asal usul dikaji terlebih dahulu. Asal usul masyarakat Iban di Sri Aman dikaitkan dengan penghijrahan masyarakat Iban dari sempadan Kalimantan. Penempatan awal masyarakat Iban di Sarawak ialah di Batang Sungai Undop, Simanggang yang dikenali sebagai Sri Aman, Sarawak. Masyarakat Iban di Sri Aman masih mengamalkan sesetengah adat resam yang diamalkan secara turun-temurun dan ini bermakna masyarakat Iban di Sri Aman masih mengekalkan penerapan tradisi yang melambangkan status sosial sebagai masyarakat Iban yang memiliki keunikan. Adat resam yang diamalkan oleh masyarakat Iban di Sri Aman dilihat dalam aspek perkahwinan, kematian dan kelahiran. Kajian ini juga akan menganalisis tentang perubahan dalam adat resam masyarakat Iban di Sri Aman. Hal ini demikian kerana, terdapat bentuk adat resam yang mengalami pengurangan dan penambahan unsur sama ada secara penyerapan atau asimilasi dalam pengamalan adat resam pada hari ini.

Selain itu, bab ini juga akan memfokuskan kepada permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literatur, kepentingan kajian dan skop kajian. Pengkaji juga akan membuat metodologi kajian dengan kaedah-kaedah tertentu untuk mendapatkan maklumat terhadap penghasilan karya.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian yang pertama ialah asal usul masyarakat Iban di Sri Aman. Ini penting kerana mereka yang akan menyampaikan penjelasan kepada generasi yang akan datang agar pemahaman terhadap asal usul masyarakat Iban di Sri Aman tidak

ada tokoh tambah. Bahagian Sri Aman menjadi penempatan paling awal orang Iban yang berhijrah dari Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia ke negeri Sarawak. Bahagian Sri Aman menjadi petempatan gelombang pertama penghijrahan orang Iban dari Kapuas pada masa itu dan majoriti penduduknya terdiri daripada orang Iban. Persoalannya ialah apakah asal usul masyarakat Iban di Sri Aman?

Permasalahan kajian yang kedua ialah bentuk adat resam yang terdapat dalam kalangan masyarakat Iban di Sri Aman. Hal ini demikian kerana, masyarakat Iban di Sri Aman masih mengamalkan dan menerapkan kebanyakan adat resam dalam kehidupan dan generasi muda kurang didedahkan berkenaan adat resam masyarakat Iban yang diamalkan dalam perkahwinan, kelahiran dan kematian. Melalui kajian lepas, dalam adat perkahwinan, perkahwinan perlu mendapat persetujuan daripada kedua-dua belah pihak. Pada peringkat permulaan, keluarga lelaki atau ibu bapa akan menghantar rombongan kecil yang terdiri daripada saudara mara yang terdekat. Ia dipanggil *bebungan ka jako* (melamar dan merisik). Sekiranya mendapat persetujuan, rombongan kedua akan menyusul dan ia dipanggil *nanya indu* (rombongan meminang). Dalam adat kematian pula, terdapat ritual tukang sabak di mana tukang sabak berfungsi menangiisi pemergian seseorang. Dalam adat kelahiran pula, wanita yang sudah bersalin perlu *bertangas*. Persoalannya ialah apakah setiap bentuk adat resam masyarakat Iban di Sri Aman?

Permasalahan kajian yang ketiga ialah perubahan dalam adat resam masyarakat Iban di Sri Aman. Hal ini demikian kerana, terdapat bentuk adat resam yang mengalami pengurangan dan penambahan unsur sama ada secara penyerapan atau asimilasi dalam pengamalan adat resam pada hari ini. Persoalannya ialah apakah perubahan terhadap adat resam masyarakat Iban di Sri Aman?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan, kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa objektif kajian.

Objektif pertama ialah menjelaskan tentang asal usul masyarakat Iban di Sri Aman. Pengkaji akan menjelaskan asal usul masyarakat Iban di mana merangkumi

perbincangan mengenai penghijrahan masyarakat Iban dan salasilah keturunan masyarakat Iban. Pengkaji juga membincangkan mengenai rumah kediaman, aktiviti serta agama dan kepercayaan masyarakat Iban di Sri Aman. Di samping itu, pengkaji menjelaskan mengenai warisan iaitu pua kumbu dan *duku ilang* (parang) dan sejarah Sri Aman.

Objektif kedua ialah menerangkan tentang bentuk adat resam yang terdapat dalam masyarakat Iban di Sri Aman. Pengkaji akan menjelaskan mengenai adat kelahiran, adat perkahwinan dan adat kematian masyarakat Iban di Sri Aman. Dalam adat kelahiran, pengkaji akan membincangkan berkenaan *ibu betubuh bisi* (ibu mengandung) dan pantang larang yang perlu dipatuhi, amalan *bekindu* (betangas), ritual peringkat awa bayi iaitu termasuk ritual merasai garam, ritual *nengkadah hari* (memperkenalkan hari) dan ritual pemberian nama bayi. Dalam perbincangan adat kematian pula, pengkaji akan menjelaskan mengenai adat perkahwinan masyarakat Iban di Sri Aman termasuk adat *nanya bini*, *ngambi indu* dan juga *nyundang pinang*. Berkenaan penjelasan mengenai adat kematian, pengkaji akan membincangkan mengenai pembawaan *baiya* (harta) ke tanah perkuburan, upacara berkabung, *ngetas ulit* dan *beserara bungai*, jenis *leka sabak* yang dilafazkan semasa berlaku kematian dan artifak tukang *sabak*.

Objektif ketiga ialah menganalisis perubahan terhadap adat resam masyarakat Iban di Sri Aman. Pengkaji akan menjelaskan mengenai perubahan yang mempengaruhi adat resam masyarakat Iban di Sri Aman di mana merujuk kepada perubahan sosial dan perubahan dalam ekonomi. Dalam aspek sosial, masalah yang mempengaruhi perubahan adat resam ialah pertentangan pendapat dalam kalangan masyarakat Iban, pengaruh budaya masyarakat lain, pendidikan, perkembangan teknologi, tanggapan pakar ritual terhadap pelaksanaan adat resam, sikap masyarakat Iban sendiri yang tidak mengambil peduli, kekurangan pakar ritual dan pelaksanaan adat resam yang terlalu sukar. Seterusnya, pengkaji menjelaskan perubahan-perubahan yang berlaku dalam adat kelahiran, adat perkahwinan dan adat kematian.

1.4 SOROTAN LITERATUR

Daripada beberapa tinjauan dan pemerhatian awal yang dijalankan oleh pengkaji, hanya terdapat beberapa pengkaji sahaja yang mengkaji bidang ini. Pengkajian tentang asal usul, adat resam dan perubahan terhadap adat resam masyarakat Iban sehingga kini belum diterangkan serta dianalisis secara terperinci. Justeru itu, pengkaji akan cuba menerangkan berkenaan asal usul, adat resam dan menganalisis perubahan terhadap adat resam masyarakat Iban secara khusus.

Terdapat kajian terdahulu hanya membincangkan latar belakang masyarakat Iban di mana mengenai tempat tinggal masyarakat Iban. Kebanyakan orang Iban tinggal di rumah panjang yang dibina daripada kayu belian dan pelbagai jenis kayu yang lain. Tempoh mereka mendiami sesebuah rumah panjang tersebut dianggarkan antara 30 hingga 40 tahun. Selepas itu, mereka akan membina penempatan baru yang berlainan daripada tempat asalnya. Tetapi, pada masa kini, orang Iban jarang-jarang didapati di rumah panjang yang diperbuat daripada kayu. Mereka membina rumah panjang dengan menggunakan batu-bata dan simen. Ini menunjukkan bahawa penulis hanya memberi penekanan kepada tempat tinggal masyarakat Iban tanpa menjelaskan dengan lebih terperinci dalam aspek yang lain.¹

Selain itu, penulis dalam kajian hanya menyatakan bahawa adat resam terdiri daripada adat perkahwinan dan kematian. Dalam adat perkahwinan, penulis tidak menerangkan secara keseluruhan berkenaan adat perkahwinan dalam kalangan masyarakat Iban. Penulis menerangkan secara ringkas adat perkahwinan masyarakat Iban.²

Dalam penulisan terdahulu juga, terdapat penulis yang memberi fokus kepada pendefinisian adat. Menurut S Nurul Asmida (2015),³ adat merupakan *nexus* iaitu titik pertemuan yang melibatkan adanya interaksi antara manusia dengan alam malah kewujudannya berbeza berdasarkan faktor suasana tempat dan mentaliti yang didiami oleh sesebuah masyarakat. Tindak balas masyarakat tersebut terhadap alam merupakan gambaran dari corak hubungannya terhadap alam sekitar dan

¹ S Nurul Asmida, *Konsep Adat Menurut Perspektif Melayu, Syariah Islamiah Dan Sarjana Barat*, Kuala Lumpur Universiti Malaya, 2015, hlm. 81.

² *Ibid*, hlm. 86.

³ *Ibid*, hlm.1.

ekologinya.⁴ Menurut Nuriah Binti Mohd Rosli (2011),⁵ adat merupakan pengawal sosial yang menentukan hubungan antara manusia dengan manusia, manusia dengan flora dan fauna dan juga antara manusia dengan elemen dalam dimensi ghaib dan di Malaysia adat kebiasaannya ditakrifkan sebagai keseluruhan peraturan-peraturan kehidupan harian.⁶ Dengan demikian, adat adalah sebagai suatu sistem peraturan, norma dan undang-undang yang bertunjang kepada alam sekitar. Oleh itu, adat resam merangkumi seluruh aspek bermula daripada kelahiran, perkahwinan sehinggalah kematian yang terdapat di dalam corak hidup masyarakat Iban dan adat resam merupakan kebiasaan cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat Iban yang dapat menggambarkan corak budaya masyarakat tersebut.⁷

Terdapat penulisan yang hanya memberi fokus kepada *tukang sabak* dalam adat kematian masyarakat Iban. Menurut Gregory Kiyai@Keai (2019)⁸, upacara Nyabak merupakan upacara khas yang harus dilakukan dengan mengupah khidmat *Tukang Sabak* yang mana upacara ini dikendalikan oleh wanita Iban yang memiliki kepakaran khas dalam bidang *Nyabak*.⁹ Oleh itu, pengkaji akan menekankan aspek lain dalam adat kematian selain daripada *Tukang Sabak*.

Di samping itu, terdapat penulis yang hanya memberi penekanan kepada latar belakang masyarakat Iban di mana memfokuskan kepada peranan tajau dalam rumah panjang masyarakat Iban. Menurut Siti Aishah, Nordiana & Florance Ling (2017),¹⁰ tajau memainkan peranan penting dalam sosio-budaya masyarakat Iban di

⁴ *Ibid*, hlm.1.

⁵ Nuriah Binti Mohd Ruali, *Perubahan Dan Cabaran Dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melanau Di Mukah, Sarawak*, Kuching: Universiti Malaysia Sarawak, 2011, hlm.3.

⁶ *Ibid*, hlm.3.

⁷ S Nurul Asmida, *opcit.*, hlm.1.

⁸ Gregory Kiyai@Keai, *Tukang Sabak dalam budaya dan upacara Nyabak Masyarakat Iban di Sarawak: Satu Penelitian Awal*, Kuching: Universiti Malaysia Sarawak, *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, Vol. 7 (120-125), 2019, hlm. 120.

⁹ *Ibid*, hlm. 120.

¹⁰ Siti Aisyah Muhammad, Nordiana Ab Jabar & Florance Ling, *Debu Harta Karun: Peranan Tajau Dalam Rumah Panjang Masyarakat Iban, Sarawak Masa Kini*, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, Vol. 3: no 6, 74-82, Universiti Malaysia Kelantan, 2017, hlm. 76.

Sarawak. Masyarakat Iban beranggapan bahawa tanpa ada tajau dalam sesebuah majlis atau upacara ritual ia dilihat sebagai satu kecacatan yang berlaku dan dipercayai boleh membawa keburukan kepada masyarakat tersebut.¹¹

A Durin dalam buku berjudul *Latar Belakang Masyarakat Iban di Sarawak* (2004) menerangkan seni dalam budaya masyarakat Iban yang memperlihatkan anyaman tikar dan tenunan *pua kumbu*.¹²

Gregory Kiyai @ Keai & Noria Tugang (2020), dalam penulisan yang bertajuk *Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka* yang mana memperlihatkan *pua, duku ilang, pusaka, artifak seramik, tembaga dan perak*.¹³

Juliza Anak Kennedy (2007), dalam penulisan yang bertajuk *Khazanah Warisan Masyarakat Etnik Iban Di Sarawak: Satu Kajian Dokumentasi Harta Intelek* hanya mengkaji tentang khazanah kebudayaan masyarakat Iban iaitu Pua Iban, Terabai, Ilang dan Topeng yang mana khazanah warisan tersebut merupakan keperluan harian dan ianya diperlukan semasa upacara tertentu dalam kalangan masyarakat Iban pada masa dahulu.¹⁴

Ghulam Yousuf dalam buku *Performing Arts* (2005)¹⁵ hanya berfokuskan budaya penggunaan alat muzik tradisional masyarakat Iban yang mana kaum Iban merupakan kumpulan yang memainkan alat muzik yang dikenali sebagai engkerumung yang dinamai sempena instrument muzik. Peralatan muzik tersebut biasanya digunakan pada majlis yang rasmi dan muzik iringan untuk tarian.¹⁶

¹¹ *Ibid*, hlm. 76.

¹² A Durin, *Latar Belakang Masyarakat Di Sarawak*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004, hlm. 49.

¹³ Gregory Kiyai@Keai & Noria Tugang, *Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pustaka*, Kuching: Universiti Malaysia Sarawak, Jurnal Kinabalu, Bil. 26 (1), 2020, hlm. 64-69.

¹⁴ Juliza Anak Kennedy, *Khazanah Warisan Masyarakat Etnik Iban Di Sarawak: Satu Kajian Dokumentasi Harta Intelek*, Kuching: Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 1.

¹⁵ Ghulam Yousuf, *Performing Arts*, Vol (8), Kuala Lumpur: University Malaya, 2005, hlm. 76.

¹⁶ *Ibid*, hlm. 76.

Harry Usop Umbar & Dr Chemalline Osup dalam *Majalah Pegari* (2017)¹⁷ hanya menerangkan budaya masyarakat Iban iaitu peralatan muzik tradisional Iban di mana mempunyai rentak yang tersendiri dan kebanyakan bunyi *tabuh* terdiri daripada empat jenis iaitu rentak *Ayun Lundai*, rentak *Ai Anyut*, rentak *Sinu Ngenang* dan *rentak Tanjak Ai*.¹⁸

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting dilakukan memandangkan sehingga kini masih belum terdapat kajian yang khusus dibuat ke atas asal usul masyarakat Iban di Sri Aman. Melalui kajian ini, pembaca dapat memahami dengan lebih terperinci berkenaan dengan asal usul masyarakat Iban di Sri Aman, mengetahui adat resam masyarakat Iban di Sri Aman dan pembaca juga dapat mengenalpasti perubahan terhadap adat resam masyarakat Iban di Sri Aman.

Selain itu, kajian ini juga penting kerana bersifat ilmiah dan dapat dijadikan sebagai rujukan serta bahan bacaan agar dapat meluaskan pengetahuan mengenai asal usul, adat resam dan perubahan terhadap adat resam masyarakat Iban di Sri Aman.

Di samping itu, kajian ini penting kerana dapat memberi pengisian untuk tujuan penyelidikan dan kajian lanjutan dalam bidang yang berkaitan.

1.6 SKOP KAJIAN

Kawasan kajian utama mengenai sejarah adat resam dan budaya masyarakat Iban ialah Sri Aman, Sarawak. Sri Aman merupakan daerah yang terletak di Sarawak di mana kebanyakan orang Iban menetap di Sri Aman. Masyarakat Iban di Sri Aman memiliki keunikan adat resam yang melambangkan identiti masyarakat Iban.

¹⁷ Harry Usop Umbar & Dr Chemalline Osup, *Majalah Pegari*, Vol 62, Sarawak: Bintulu, 2017, hlm. 3.

¹⁸ *Ibid*, hlm. 3.

Kajian ini meliputi tahun 1993 hingga 2016 kerana masyarakat masa ini membiasakan diri dalam penerapan adat resam dan budaya. Kajian ini hanya memfokuskan kepada sejarah adat resam masyarakat Iban memandangkan generasi muda hari ini mengetahui serba sedikit adat resam dan budaya di Sri Aman.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada tiga soalan utama iaitu menjelaskan tentang asal usul masyarakat Iban di Sri Aman, menerangkan tentang bentuk adat resam yang diamalkan masyarakat Iban di Sri Aman dan mengenalpasti perubahan terhadap adat resam masyarakat Iban di Sri Aman.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan hal yang sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Hasil kajian yang diperolehi juga sangat bergantung kepada metodologi yang digunakan dalam sebuah kajian. Tanpa metodologi kajian yang jelas, data yang diperolehi akan dipersoalkan dan kesimpulan kajian juga boleh diragukan.

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif. Sifat dari kajian ini adalah praktikal serta deskriptif analisis. Penyelidikan ini juga dapat digolongkan kepada penyelidikan kepustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*) kerana sumber datanya diperolehi dari sumber perpustakaan dan lapangan. Dalam hal ini, penulis akan mengkaji dan menganalisis buku-buku, jurnal, artikel dan pelbagai jenis sumber *literature* lainnya yang berkaitan dengan kajian. Dalam mendapatkan data di lapangan, penulis menggunakan kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual dan observasi.

Temu bual dan observasi dilakukan ke atas penduduk kampung Sri Aman yang terpilih dijadikan sampel penyelidikan. Temu bual telah dilakukan daripada 24 Mei hingga 20 Julai 2022 dan mengambil masa lebih kurang 1 jam bagi setiap responden. Observasi adalah satu cara pengumpulan data tanpa melibatkan komunikasi langsung dengan responden.

Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif. Kaedah ini digunakan oleh penyelidik adalah dengan mengenalpasti budaya masyarakat Iban di Sri Aman. Pada kaedah analisis kualitatif penulis akan memberikan kod pada hasil temu bual dengan responden dan menganalisis satu persatu data observasi yang telah dicatat dan mengambil isi-isi yang penulis anggap penting kemudian akan menyusun hasil daripada kod tersebut dengan menerangkan dalam bentuk huraian yang lebih sederhana untuk dimasukkan dalam kajian ini

1.8 PEMBAHAGIAN KAJIAN

Kajian ini akan dibahagikan kepada empat bab. Bab 1 merupakan bahagian pengenalan yang meliputi aspek pendahuluan, permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literatur, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan pembahagian kajian dan kesimpulan.

Bab 2 merupakan bahagian yang memberi penjelasan tentang asal usul masyarakat Iban di Sri Aman. Penulis bermatlamat untuk menjelaskan asal usul masyarakat Iban di Sri Aman.

Bab 3 merupakan bahagian yang menerangkan bentuk adat resam masyarakat Iban di Sri Aman. Dalam bahagian ini, penulis membuat kajian secara terperinci mengenai adat kelahiran, perkahwinan dan adat kematian dalam kalangan masyarakat Iban di Sri Aman.

Bab 4 merupakan bahagian yang menganalisis perubahan terhadap adat resam masyarakat Iban di Sri Aman. Bahagian ini akan diperlihatkan melalui perubahan dalam adat kelahiran, perkahwinan dan adat kematian masyarakat Iban di Sri Aman.

Bab 5 merupakan bab yang terakhir yang membincangkan berkenaan kesimpulan. Bab ini menyimpulkan secara keseluruhan berkenaan kajian yang telah dilakukan. Bab ini berfokuskan kepada tiga objektif utama dalam kajian.

1.9 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian, jelas terlihat bahawa bahagian Sri Aman menjadi penempatan paling awal orang Iban yang berhijrah dari Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia ke negeri Sarawak. Sri Aman didiami oleh kebanyakan masyarakat Iban yang memiliki keunikan tersendiri.

Adat resam masyarakat Iban merangkumi adat kelahiran, perkahwinan dan kematian. Adat resam masyarakat Iban di Sri Aman memiliki proses tersendiri.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH